

Jalan Saga Di Ijok Selangor, Laluan Alternatif LATAR Ke Bandar Kuala Selangor

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Jalan Saga di Ijok, Selangor akan dijadikan sebagai laluan alternatif bagi perjalanan dari Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (LATAR) menuju ke utara Pantai Barat melalui bandar Kuala Selangor.

Menurut LATAR Expressway Berhad, laluan itu dicadangkan kepada pengguna sebagai langkah melancarkan perjalanan sempena hari raya Aidulfitri kerana aliran trafik dijangka meningkat sehingga 66 peratus.

"Dengan pertambahan kenderaan, aliran trafik dijangka bergerak perlahan di laluan susur keluar Lebuhraya LATAR menuju ke bandar Kuala Selangor iaitu persimpangan Ijok ke Assam Jawa (Jalan Sungai Buloh-Kuala Selangor).

"Justeru, Pasukan Ronda LATAR dan polis lebuh raya bersedia untuk melencongkan laluan pengguna ke laluan alternatif, Jalan Saga untuk ke Kuala Selangor," menurut syarikat itu dalam satu kenyataan di sini Khamis.

Jalan Saga, yang hanya 800 meter dari susur lebuh raya LATAR ke Kuala Selangor merupakan laluan alternatif ke Kuala Selangor tanpa melalui persimpangan Assam Jawa.

Menurut kenyataan itu, Anggota Expressway Patrolling Response Team (EXPERT) dan Pasukan Respons Kecemasan (ERT) yang terlatih sentiasa bersedia 24 jam untuk memberikan perkhidmatan kepada pengguna LATAR.

Sementara itu, LATAR akan mengedarkan 1,000 kad Touch 'n Go percuma pada 17 Julai bermula 12 tengah malam di setiap plaza tol iaitu Plaza Tol Ijok, Plaza Tol Kuang Timur dan Kuang Barat, Plaza Tol Kundang Timur dan Kundang Barat dan Plaza Tol Taman Rimba Templer.

Ketua Pegawai Eksekutif LATAR, Ahmad Fuad Ahmad Shahimi dalam satu kenyataan di sini berkata edaran kad tersebut sebagai tanda penghargaan dan program khidmat masyarakat LATAR sekali gus menggalakkan pengguna lebuh raya menggunakan pembayaran tol secara elektronik.

Dalam perkembangan lain, PLUS Malaysia Berhad dalam satu kenyataan di sini memaklumkan, persimpangan bertingkat dan Plaza Tol Bandar Ainsdale akan mula beroperasi pada pukul 10 malam esok (10 Julai).

Menurut kenyataan, persimpangan bertingkat itu terletak di KM267.7 di Lebuhraya Utara-Selatan iaitu kira-kira lima kilometer dari persimpangan bertingkat Seremban yang sedia ada.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi talian PLUSLine 1800-88-0000.